



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	29 JUNE 2016

Sarawak hormati keputusan Najib

BH - 29/6/2016

Kuching: Barisan Nasional (BN) Sarawak dan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) menghormati keputusan Datuk Seri Najib Razak tidak melantik Ahli Parlimen dari negeri itu sebagai menteri penuh dalam rombakan Kabinet, kelmarin.

Setiausaha Agung BN Sarawak, Datuk Stephen Rundi Utom, yang juga Setiausaha Agung PBB berkata komponen BN ada mencadangkan Ahli Parlimen Kapit, Datuk Alexander Nanta Linggi mengisi kekosongan itu selepas Datuk Amar Douglas Uggah dilantik sebagai Timbalan Ketua Menteri Sarawak.

“Sarawak mengakui pelantikan menteri adalah prerogatif Perdana Menteri. Beliau telah menjelaskan rasional rombakan Kabinetnya dan kami menghormati keputusan beliau dan berdiri teguh di belakang ke-

pemimpinannya.

“Adalah menjadi harapan besar kami, beliau akan memasukkan kami dalam rombakan besar beliau pada masa akan datang dan mengucapkan terima kasih kerana melantik Datuk Henry Sum Agong sebagai Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan,” katanya.

Ucap tahniah

Sementara itu, Pengerusi Kelab Penyokong BN Sarawak, Abdullah Saidol, mengucapkan tahniah kepada Henry atas pelantikan beliau.

Henry adalah Ahli Parlimen Lawas dan mencipta sejarah untuk masyarakat Lun Bawang apabila beliau menjadi pemimpin pertama dilantik sebagai timbalan menteri dalam Kabinet Persekutuan.

BERNAMA